

Edisi Kedua 2024

MITASA
KESATUAN KAKITANGAN AKADEMIK UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA



Suara

MITASA

Bengkel e-TUIS,
bantu kesatuan
lebih efisien

Risiko psikososial
tempat kerja:
ke arah menjadikan UiTM
sebagai majikan yang
sihat dan selamat

Usah aniaya anak buah,
jawatan adalah amanah
dan keadilan

Kenapa Susahnya
Nak Naik Pangkat?

PTM beri pendedahan
kepada pensyarah baharu

Insentif Kecemerlangan
SPM terus bantu anak
ahli MITASA

ISSN 3083-6116



9 773063 611009

Permulaan yang sempurna

Roadtrip bertemu ahli cawangan dekatkan MITASA kepada ahli

Sudah menjadi kebiasaan kepada Kesatuan Kakitangan Akademik UiTM (MITASA) untuk menyantuni ahli-ahlinya dari seluruh cawangan UiTM bagi mendapatkan pelbagai maklum balas mengenai kebajikan mahupun masalah-masalah yang dialami mereka di cawangan masing-masing.

Untuk tahun 2024, MITASA berpeluang mengadakan Roadtrip bertemu ahli ke tiga lokasi iaitu Kedah, Penang dan Negeri Sembilan, pada Jun lalu.

Rombongan MITASA diketuai Presiden, Encik Saharuddin Lin, Timbalan Presiden, Encik Mohd Amirul Akhbar Mohd Zulkifli, Bendahari, Ts Nor Azlin Rosli, Penolong Setiausaha, Syarifah Yuliana Syed Ali Hanafiah, Exco Penerbitan dan Media, Puan Haliza Ab Ghani dan Exco Sukan, Dr Mohammad Firdaus Ahmad.

Kampus pertama yang dikunjungi ialah UiTM Cawangan Kedah yang disambut oleh Timbalan Rektor Akademik, Dr Junaida Ismail dan Penyelaras Mitasa Cawangan UiTM Kedah, Dr Khairul Adilah Ahmad dan Puan Anis Faradila serta ahli-ahli MITASA cawangan.

Seterusnya rombongan bergerak ke UiTM Cawangan Pulau Pinang dan disambut oleh Penyelaras MITASA UiTM Pulau Pinang iaitu Puan Shaira Ismail. Pada bulan Julai pula, roadtrip yang sama diadakan di Seremban melalui Program Jalinan Ukhwah Kakitangan Akademik UiTM Cawangan Negeri Sembilan (UiTMCNS).

Lawatan ke tiga-tiga lokasi cawangan UiTM kali ini membawa pelbagai input yang menarik kepada MITASA dalam membantu kebajikan, keperluan dan mengatasi masalah-masalah yang dialami ahli-ahli dari seluruh negara. Banyak perkara yang dibincangkan mengenai permasalahan dan penambahbaikan yang perlu dicadangkan kepada pihak berkaitan, terutamanya melibatkan tadbir urus pensyarah di fakulti.

Kebanyakan masalah dan isu yang diutarakan oleh ahli-ahli MITASA di cawangan adalah hampir sama, tidak termasuk isu secara peribadi. MITASA sebagai sebuah badan yang sentiasa cakna dengan masalah yang dialami ahli akan mendokumenkan isu-isu yang dibawa.

MITASA akan membantu melalui cara dan kaedah yang bersesuaian dan akan dilakukan secara berhemah. Ia amat penting bagi memastikan kebajikan ahli terjaga dan mereka mendapat segala manfaat yang disediakan dalam MITASA.



Untuk sebarang urusan berkaitan akses terhadap MITASA, ahli-ahli boleh mengikuti kami di platform media sosial MITASA dengan mengimbas kod QR yang disediakan seperti Tiktok, Facebook, Instagram dan Twitter. Bersama ini juga disertakan kod QR untuk pendaftaran sebagai ahli dan borang aduan untuk ahli yang memerlukan.

Media Sosial MITASA




Tiktok



Facebook



Twitter



Instagram



Laman Web

Keahlian & Aduan



Kemaskini Keahlian



Borang Ahli



Borang Aduan



Siti Fatimah Awang
Setiausaha Media dan
Korporat MITASA
010-9280262



**Nadra Sharfina
Ab Rahman**
Setiausaha Pejabat MITASA
018-2365130